

## **ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis pengaruh belanjawan kerajaan, eksport, dan saiz firma ke atas penswastaan. Data yang digunakan adalah data Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) seluruh Malaysia dari tahun 1985 hingga tahun 2008, dan menggunakan model ekonometrik mudah untuk membuat pengujian sama ada pembolehubah bebas tersebut mempunyai hubungan dengan pembolehubah bersandar iaitu penswastaan. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisa perubahan tren pertumbuhan ekonomi kesan daripada penswastaan yang dipengaruhi oleh pembolehubah bebas iaitukekangan belanjawan kerajaan, eksport, dan saiz firma. Keputusan yang diperolehi dari hasil kajian yang dijalankan membuktikan hubungan antara pembolehubah bebas ke atas penswastaan di Malaysia.

**Kata kunci :** Penswastaan, pertumbuhan ekonomi